Rosman bin Mat dan satu lagi lwn Mohd Fareez Zaman bin Othman

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO BA-12B-68–03 TAHUN 2017
TUN ABD MAJID PK
28 JANUARI 2019

Tort — Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Hakim mahkamah sesyen ('HMS') mendapati perayu pertama bertanggungan secara keseluruhannya — Sama ada HMS terkhilaf apabila mendapati keterangan perayu pertama bercanggah dengan laporan polis — Sama HMS terkhilaf apabila medapati bahawa keterangan perayu pertama bahawa tempat kejadian gelap tidak boleh diterima — Sama ada responden berjaya membuktikan di atas imbangan kebarangkalian bahawa perayu pertama telah cuai dan menyebabkan kecederaannya — Sama ada awad-awad yang diberikan oleh HMS adalah berdasarkan prinsip-prinsip pampasan

Kemalangan telah berlaku antara lori yang dipandu oleh perayu pertama dan motosikal yang ditunggang oleh responden. Responden mengatakan bahawa dia telah dilanggar dari belakang oleh lori yang dipandu oleh perayu pertama manakala perayu pertama pula mengatakan bahawa responden telah jatuh dengan sendirinya dan hanya motosikalnya sahaja yang dilanggar oleh lori yang dipandu oleh perayu pertama. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') mendapati bahawa perayu pertama bertanggungan secara keseluruhannya atas alasan berikut: (a) keterangan defendan pertama bercanggah dengan laporan polisnya sendiri; dan (b) tempat kejadian diterangi oleh lampu jalan, oleh itu keterangan defendan pertama bahawa tempat kejadian gelap tidak boleh diterima. Terkilan dengan keputusan HMS, perayu-perayu telah memfailkan rayuan terhadap liabiliti dan kuantum.

Diputuskan, membenarkan rayuan terhadap liabiliti dan menolak rayuan terhadap kuantum:

(1) Jelas bagi mahkamah di peringkat rayuan tidak akan sewenang-wenangnya menganggu dapatan atau penemuan fakta oleh mahkamah bicara melainkan dapatan tersebut salah atau tidak disokong oleh keterangan yang dikemukakan (lihat perenggan 11).

(2) Hakim mahkamah sesyen terpelajar membuat inferen bahawa dalam kelajuan 50km/j dan dalam jarak 3–5 meter perayu semestinya dapat mengelak dari melanggar motosikal responden. Mahkamah ini mendapati tiada keterangan yang membolehkan inferen sedemikian boleh dibuat. Mengenai percanggahan yang dinyatakan, apakah bentuk

soalan yang dikemukakan bagi jawapan kepada soalan 9 dalam kenyataan saksi perayu dan juga ketika disoal balas. Jawapan-jawapan ini bergantung kepada bentuk soalan-soalan yang dikemukakan. Memandangkan soalan-soalan tidak dinyatakan maka sukar bagi mahkamah untuk bersetuju bahawa percanggahan keterangan ini ketara atau material (lihat perenggan 14).

(3) Mereka yang berada di tempat kejadian ketika berlakunya kemalangan ialah responden dan perayu pertama dan kedua-dua mereka menyatakan ketika itu keadaan adalah gelap. Sungguhpun ada tiang lampu, tiada keterangan menunjukkan lampu tersebut berfungsi atau tidak. Lebih-lebih lagi apabila kedua-dua mereka mengesahkan tempat kejadian gelap. Oleh yang demikian tiada keterangan menyokong pendapat HMS yang terpelajar apabila berpendapat keterangan perayu pertama sebagai tidak munasabah (lihat perenggan 15).

(4) Tiada terdapat kerosakan kepada bahagian hadapan lori tetapi kerosakan didapati di bahagian bawah. Keterangan ini datangnya daripada pegawai penyiasat sendiri yang berpendapat tiada kesan menunjukkan berlakunya perlanggaran. Beban pembuktian terletak di bahu responden dan responden perlu membuktikan bahawa kesalahan perayu pertama menyebabkan kerosakan atau kecederaan responden. Mahkamah mendapati responden gagal membuktikan atas imbangan keberangkalian bahawa perayu pertama telah cuai dan menyebabkan kecederaannya. Penemuan HMS yang terpelajar juga tidak disokong oleh keterangan yang ada (lihat perenggan 16).

(5) Mahkamah mendapati bahawa kedua-dua laporan pakar yang dikemukakan tidak bertentangan mengenai 'wasting'. Tangan kanan responden tidak boleh digunakan langsung dan kekal. Oleh itu awad sebanyak RM8,000 tidak terlalu tinggi dan munasabah dan jumlah ini telah diambil kira bersama awad-awad bagi kecederaan-kecederaan bagi tangan kanan responden dan ditolak 10% mengikut persetujuan kedua-dua pihak. Bagi bayaran bulanan SOCSO, bayaran ini tidak menghalang responden daripada menerima pampasan kehilangan pendapatan masa hadapan. Keterangan adalah jelas bahawa responden sihat tetapi akibat daripada kelumpuhan tangan kanannya pekerjaan yang boleh dilakukan adalah amat terhad. Oleh itu awad-awad yang diberikan oleh HMS yang terpelajar tidak menyalahi prinsip-prinsip pampasan (lihat perenggan 19).

[English summary

An accident had occurred between a lorry driven by the first appellant and a motorcycle ridden by the respondent. The respondent said that he had been hit from the back by the lorry driven by the first appellant while the first appellant said that the respondent had fallen off by himself and only his motorcycle was

hit by the lorry driven by the first appellant. The sessions court judge ('SCJ') found that the first appellant was wholly liable for the following reasons: (a) the first defendant's evidence contravened his own police report; and (b) the scene was lit by street lights, therefore the first defendant's evidence that the scene was dark was unacceptable. Aggrieved with the decision of the SCJ, the appellant filed an appeal against liability and quantum.

Held, allowing the appeal against liability and dismissing the appeal against quantum:

(1) It was clear that courts at the appeal stage would not simply interfere with the discovery or findings of the facts by the trial court unless the findings were incorrect or was not supported by the evidence presented (see para 11).

(2) The learned sessions court judge made an inference that at a speed of 50km/h and within 3–5 meters the appellant could avoid from colliding the respondent's motorcycle. This court found no evidence that allowed such inference to be made. Regarding the contradiction, what question was submitted for the answer to question 9 in the appellant's witness statement and also during cross-examination. These answers depended on the form of the questions raised. Given the questions were not specified it was difficult for the court to agree that the contradiction of this evidence was significant or material (see para 14).

(3) Those who were at the scene of the accident were the respondent and the first appellant and both of them stated that it was dark. Although there were lamp poles, no evidence indicated whether or not the lamps were working. Moreover, they both confirmed that the scene was dark. As such, no evidence supported the opinion of the learned SCJ when he considered that the first appellant's evidence was unreasonable (see para 15).

(4) There was no damage at the front of the lorry but damage was found at the underside. This evidence came from the investigating officer himself who believed that there was no trace indicating the occurrence of a collision. The burden of proof fell on the respondent and the respondent had to prove that the offense of the first appellant caused damage or injury to him. The court found that respondent failed to prove on the balance of probability that the first appellant was negligent and had caused injury. The finding of the learned SCJ was also not supported by the available evidence (see para 16).

(5) The court found that the two expert reports submitted did not contradict 'wasting'. The respondent's right hand could not be used at all and the damage was permanent. Therefore the RM8,000 award was not too high and reasonable and this amount had been taken into account with the

awards for injuries to the right hand of the respondent with 10% deducted according to the consent of both parties. For SOCSO monthly payments, this payment did not prevent the respondent from receiving compensation for future earnings loss. The evidence was clear that respondent was healthy but as a result of the paralysis of his right hand, the work that can be done was very limited. Hence the awards given by the learned SCJ did not violate the principles of compensation (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1871–2180.

Kes-kes yang dirujuk

Foong Nan v Sagadevan [1971] 2 MLJ 24, MP (dirujuk)
Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor [1975] 1 MLJ 119, MP (dirujuk)
Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 MLJ 97; [2003] 1 MLRA 95, MR (dirujuk)
Rasidin bin Partorjo v Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214, MP (dirujuk)
Wong Thin Yit v Mohamed Ali [1971] 2 MLJ 175, MP (dirujuk)

S Ganesh (Abdul Rahim & Co) bagi pihak perayu.
S Sivakumaresan (Naicker & Assoc) bagi pihak responden.

Tun Abd Majid PK:

[1] Defendan-defendan sebagai perayu di dalam rayuan ini tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah Sesyen di Klang di mana mereka didapati bertanggungan sepenuhnya dan mengemukakan rayuan terhadap liabiliti dan kuantum.

[2] Kemalangan telah berlaku pada 24 Disember 2014 pada jam lebih kurang 5.38 pagi di mana plaintif mengatakan dia dilanggar dari belakang oleh motorlori yang dipandu oleh defendan pertama manakala defendan pertama pula mengatakan plaintif telah jatuh dengan sendirinya sebelum motorsikalnya sahaja dilanggar oleh motorlori yang dipandu oleh defendan pertama.

KEPUTUSAN MAHKAMAH SESYEN

[3] Hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang terpelajar telah mendapati defendan pertama bertanggungan keseluruhannya atas alasan seperti berikut:

(a) keterangan defendan pertama bercanggah dengan laporan polisnya sendiri; dan

(b) tempat kejadian diterangi oleh lampu jalan oleh itu keterangan defendan pertama bahawa tempat kejadian gelap tidak boleh diterima.

Setelah mendengar hujan lisan dan membaca hujah bertulis kedua-dua pihak saya membenarkan rayuan defendan-defendan terhadap liabiliti dan menolak rayuan mereka terhadap kuantum. Berikut adalah alasan-alasan bagi keputusan saya.

HUJAH DEFENDAN

[4] Peguam defendan-defendan yang terpelajar menghujahkan tiada keterangan yang menyokong versi plaintif. Pegawai penyiasat akan mencadangkan kes ini dikelasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut diambil (*NFA*) kerana kesan kerosakan tidak konsisten dengan adanya pelanggaran seperti yang dikatakan oleh plaintif. Kesan kerosakan kepada motorlori adalah di bahagian bawah (*undercarriage*).

[5] Beliau turut menghujahkan bahawa HMS terpelajar khilaf dalam mendapati terdapat percanggahan di antara keterangan defendan pertama dengan laporan polisnya sedangkan jika dibaca dengan teliti laporan polis tersebut tiada percanggahan yang berlaku. Laporan defendan yang mengatakan motorsikal jatuh dan selepas itu motorlorinya melanggar motorsikal tersebut konsisten dengan keterangannya dalam mahkamah.

[6] HMS yang terpelajar juga dikatakan telah khilaf berkaitan keadaan visibiliti tempat kejadian kerana plaintif sendiri mengaku ketika itu gelap dan tiada lampu jalan.

HUJAH PLAINTIF

[7] Peguam plaintif yang terpelajar pula menghujahkan percanggahan yang berlaku ialah di dalam laporan polis defendan pertama mengatakan motorsikal yang berada di hadapannya terjatuh manakala di dalam keterangannya mengatakan motorsikal dalam keadaan terjatuh semasa dia melihatnya dalam jarak 3–5 meter di hadapannya. HMS yang terpelajar berpendapat percanggahan ini ketara dan jika dalam jarak 3–5 meter dalam kelajuan 50km sejam sepatutnya defendan pertama boleh mengelak daripada melanggar motorsikal plaintif.

[8] Seterusnya beliau menghujahkan HMS yang terpelajar telah mendapati tidak munasabah keadaan gelap memandangkan terdapat lampu jalan berhampiran dengan kedudukan motorlori defendan.

[9] Hujah beliau lagi penemuan-penemuan ini adalah penemuan fakta berdasarkan kredibiliti saksi dan pendapat pegawai penyiasat yang mahu mencadangkan kes di 'NFA' tidak seharusnya diambil kira.

KEPUTUSAN

[10] Gopal Sri Ram HMR (beliau ketika itu) di dalam kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97 di ms 116; [2003] 1 MLRA 95 di ms 101–102 menyatakan seperti berikut:

> Suffice to say that we re-affirm the proposition that an appellate court will not, generally speaking, intervene unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. But appellate interference will take place in cases where there has been no or insufficient judicial appreciation of the evidence. It is, we think appropriate that we say what judicial appreciation of evidence involves.
>
> A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon the demeanour of a witness without undertaking a critical analysis of that witness' evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same.

Di dalam kes *Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor* [1975] 1 MLJ 119 Raja Azlan Shah HMP (Baginda ketika itu) menyatakan

> It was submitted to us on behalf of the appellants that if it was true that there was an oncoming lorry with dazzling lights encroaching the respondent's path thus making him swerve his car to the left grass verge and travel on it for some distance, then as it was drizzling that night, such manoeuvre would have left tyre marks on the grass verge. But the sketch plan does not show that. On this aspect of the case the learned judge observed thus:
>
> > I do not think it can be positively said that there were no tyre marks on the left grass verge merely because they do not appear on the sketch plan. If the investigation officer who drew the sketch plan visited the scene in the middle of the night and did not use proper light on every part of the area of the accident the chances were that he might have not seen tyre marks that might be present there. It is possible that the investigation officer might not have directed his attention to the left grass verge in view of the fact that the car was found on the right hand side of the road. Evidence shows that the first defendant was injured and unconscious after the accident, and therefore he would not be present to assist

the investigation officer in investigation which might be carried out at the scene that night.

In my opinion this conclusion demonstrates that the learned judge fell into error in relation to such matters. If that is so then it would not be just for an appellate court to regard itself as compelled to regard as conclusive his finding on the issue of fact. The investigating officer was never called as a witness by the respondents. In the absence of clear and convincing evidence the beliefs and assumptions of the trial judge cannot be validly imported into his finding of fact. He cannot be both judge and witness. In cases where the oral evidence of a witness may be tested by some objective fact of a highly persuasive nature, it is within the competence of a modern appellate court to over-ride the trial court on questions of pure fact, even though this has been decided on the basis of credibility. In my opinion this is a case where a material document, ie, the sketch plan, so flatly contradicts a passage of oral testimony that doubt may be entertained about the weight attributed at the trial court for that piece of evidence.

[11] Jelas bagi mahkamah di peringkat rayuan tidak akan sewenang-wenangnya menganggu dapatan atau penemuan fakta oleh mahkamah bicara melainkan dapatan tersebut salah atau tidak disokong oleh keterangan yang dikemukakan.

[12] HMS yang terpelajar mendapati percanggahan di dalam keterangan defendan pertama dan laporan polisnya. Di dalam laporan polisnya defendan pertama menyatakan seperti berikut:

... Apabila sampai di Batu 13 Jalan Kapar saya jalan terus ketika itu keadaan gelap, tiba-tiba ada sebuah m/sikal no BKD 7716 berada di hadapan saya telah terjatuh saya cuba mengelak tetapi terlanggar juga m/sikal tersebut. ...

Di dalam kenyataan saksi, defendan menyatakan seperti berikut:

4. S: Terangkan kepada Mahkamah bagaimana kemalangan tersebut telah berlaku?

J: Apabila sampai di Batu 13 Jalan Kapar saya terus jalan. Ketika itu keadaan gelap, tiba-tiba ada sebuah motorsikal No BKD 7716 berada di hadapan saya telah terjatuh. Saya cuba mengelak tetapi terlanggar juga motorsikal tersebut.

9. S: Rujuk m/s 35, B.

Dari mana laluan motorsikal.

J: Dari laluan B–C.

Semasa saya sampai, saya hanya lihat motorsikal di tepi jalan dan tidak sempat hendak elak. Dari hadapan lagi saya lihat ada orang di sebelah kanan dan saya elak dia.

Ketika di soal balas, defendan pertama menyatakan seperti berikut:

A: Pertama sekali nampak motorsikal adalah 3–5 meter.

A: Kelajuan motolori ialah 50 kmj.

A: Memang motorsikal dalam keadaan terjatuh semasa saya nampaknya.

[13] Berdasarkan keterangan di atas HMS menyatakan 'percanggahan adalah ketara dan sekiranya defendan memandu pada kelajuan 50kmj dan dalam jarak 3–5 meter tersebut, defendan sudah semestinya dapat mengelak dari melanggar motosikal plaintif.

[14] Bagaimana HMS terpelajar membuat inferen bahawa dalam kelajuan 50km/j dan dalam jarak 3–5 meter defendan semestinya dapat mengelak dari melanggar motosikal plaintif. Saya dapati tiada keterangan yang membolehkan inferen sedemikian boleh dibuat. Mengenai percanggahan yang dinyatakan apakah bentuk soalan yang dikemukakan jawapan kepada soalan 9 dan juga ketika disoal balas. Jawapan-jawapan ini bergantung kepada bentuk soalan-soalan yang dikemukakan. Memandang soalan-soalan tidak dinyatakan sukar bagi saya untuk bersetuju bahawa percanggahan keterangan ini ketara atau material.

[15] Plaintif sendiri mengaku tempat kejadian gelap malah pegawai penyiasat sendiri tidak konsisten sama ada lampu jalan jauh atau dekat dengan tempat kejadian. Jika lihat kepada gambar B di ms 118 rekod rayuan kedudukannya ialah di sebarang jalan. Mereka yang berada di tempat kejadian ketika berlakunya kemalangan ialah plaintif dan defendan pertama dan kedua-dua mereka menyatakan ketika itu keadaan adalah gelap. Sungguhpun ada tiang lampu, tiada keterangan menunjukkan lampu tersebut berfungsi atau tidak. Lebih-lebih lagi apabila kedua-dua mereka mengesahkan tempat kejadian gelap. Oleh yang demikian tiada keterangan menyokong pendapat HMS yang terpelajar apabila berpendapat keterangan defendan pertama sebagai tidak munasabah.

[16] Tiada terdapat kerosakan kepada bahagian hadapan motorlori tetapi kerosakan didapati di bahagian bawah (*undercarriage*). Keterangan ini datangnya daripada pegawai penyiasat sendiri yang berpendapat tiada kesan menunjukkan berlakunya perlanggaran. Beban pembuktian terletak di bahu plaintif (*Wong Thin Yit v Mohamed Ali* [1971] 2 MLJ 175). Plaintif perlu membuktikan bahawa kesalahan defendan pertama menyebabkan kerosakan atau kecederaan plaintif (*Foong Nan v Sagadevan* [1971] 2 MLJ 24). Saya berpendapat plaintif gagal membuktikan atas imbangan keberangkalian bahawa defendan pertama telah cuai dan menyebabkan kecederaannya. Bagi saya penemuan HMS yang terpelajar juga tidak disokong oleh keterangan yang ada. Oleh yang demikian saya membenarkan rayuan defendan-defendan terhadap liabiliti.

[17] Bagi kuantum, plaintif mengalami kecederaan yang serius. Dalam kes *Rasidin bin Partorjo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214 Wan Suleiman HMP

di ms 215 menyatakan:

> A Court of Appeal always starts with the working presumption that any decision appealed against is right in every respect. So to succeed in an appeal the appellant must convince us that the decision appealed from is wrong. If we are not so convinced, the appeal fails.
>
> The principle upon which an appellate court will interfere with an award of damages made by a judge sitting alone has been stated by Lord Wright in *Davies v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1942] AC 601 at pp 616–617 as follows:
>
> > Where the award is that of the judge alone, the appeal is by way of rehearing on damages as on all other issues, but as there is generally so much room for individual choice so that the assessment of damages is more like an exercise of discretion than an ordinary act of decision, the appellate court is particularly slow to reverse the trial judge on a question of the amount of damages. It is difficult to lay down any precise rule which will cover all cases, but a good general guide is given by Greer LJ in *Flint v Lovell*. In effect the court, before it interferes with an award of damages, should be satisfied that the judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these or other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered. It is not enough that there is a balance of opinion or preference. The scale must go down heavily against the figure attacked if the appellate court is to interfere, whether on the ground of excess or insufficiency.
>
> Thus the appellant here has to convince us that the learned trial judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered.

[18] Defendan-defendan membangkitkan isu bantuan SOCSO telah dibayar dan plaintif masih boleh menjalankan kerja-kerja ringan. Plaintif telah lumpuh tangan kanannya akibat kemalangan ini dan dikategorikan sebagai OKU akibat daripada ini. Plaintif tidak lagi boleh memandu lori dan menjalankan kerja sebagai 'salesman'. Bagi 'wasting' peguam defendan yang terpelajar menghujahkan ianya terlalu tinggi.

[19] Saya dapati kedua-dua laporan pakar yang dikemukakan tidak bertentangan mengenai 'wasting'. Tangan kanan plaintif tidak boleh digunakan langsung dan kekal. Oleh itu awad sebanyak RM8,000 bagi saya tidak terlalu tinggi dan munasabah dan jumlah ini telah diambil kira bersama awad-awad bagi kecederaan-kecederaan bagi tangan kanan plaintif dan ditolak 10% mengikut persetujuan kedua-dua pihak. Bagi bayaran bulanan SOCSO saya tidak mendapati bayaran ini menghalang plaintif daripada menerima pampasan kehilangan pendapatan masa hadapan. Keterangan jelas plaintif sihat tetapi akibat daripada kelumpuhan tangan kanannya pekerjaan yang boleh dilakukan adalah amat terhad. Oleh itu awad-awad yang diberikan oleh HMS yang terpelajar tidak menyalahi prinsip-prinsip pampasan.

A **[20]** Oleh yang demikian, saya membenarkan rayuan defendan-defendan terhadap liabiliti dan menolak rayuan terhadap kuantum.

Rayuan terhadap liabiliti dibenarkan; rayuan terhadap kuantum ditolak.

B Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

C

D

E

F

G

H

I